



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

☎ 03-8870 4426
✉ ukk@dof.gov.my
🌐 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.11/02/09-1/1 Jld. 2 (15)

SIARAN MEDIA

PENEMUAN BANGKAI PAUS DI SUNGAI MIANG, PAHANG

PEKAN, PAHANG 24 FEBRUARI 2025 – Jabatan Perikanan Negeri Pahang telah menerima maklumat daripada orang awam mengenai penemuan bangkai seekor paus yang terdampar di Pantai Sungai Miang, Pahang. Bertindak atas maklumat tersebut, pasukan dari Pejabat Perikanan Negeri Pahang (PPN Pahang) bersama Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Rantau Abang (RA), Terengganu telah turun ke lokasi untuk meninjau keadaan bangkai berkenaan.

Hasil pemeriksaan awal mendapati bahawa bangkai paus tersebut telah lama mereput, menyebabkan kesukaran dalam proses pengecaman spesies. Oleh itu, pasukan IPPRA akan mengambil sampel bagi menjalankan analisis eDNA untuk menentukan spesies dengan lebih tepat. Berdasarkan keadaan bangkai, spesies yang dianggarkan adalah Bryde atau Fin.

Pihak Jabatan Perikanan ingin merakamkan penghargaan kepada orang awam yang telah menyalurkan maklumat mengenai penemuan ini. Kerjasama sebegini amat penting dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan hidupan marin di perairan negara.

Untuk makluman, di bawah **Akta Perikanan 1985**, spesies paus dilindungi di bawah peruntukan berkaitan spesies marin terancam. Oleh itu, sebarang gangguan atau eksploitasi terhadap paus adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Jabatan akan terus memantau situasi ini dan akan mengambil tindakan lanjut sekiranya diperlukan.

-TAMAT-

Pautan gambar:

https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1mSe_UU9yazwXaTDjOu8VceTQ4cLP2A4s

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my